# AKTIVITI PENYEBARAN MAKLUMAT UBAT-UBATAN PERSATUAN FARMASI MALAYSIA

oleh
Chong Gaik Lan

Latihan Ilmiah ini merupakan satu keperluan
untuk
Ijazah Sarjana Muda Sastera (Komunikasi Massa)
dengan Kepujian

Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan
Universiti Sains Malaysia
Pulau Pinang

10 Mac 1986

Untuk:

WL 2290 dan 5.10 petang

yang sentiasa menggembirakan...

# PENGHARGAAN

Ucapan Ribuan Terima Kasih yang tulus ikhlas kepada:

Puan Hamidah Abd. Hamid yang telah memberikan ketabahan, nasihat dan lebih-lebih lagi untuk kemesraan yang terjalin di sepanjang kajian ini.

Encik Alex Tan, Prof. Madya Dr. Ch'ng Hung Seng, Dr. Chua Swee Ong, Dr. Aishah Latiff, En. Yuen Kah Hay, Prof. Madya Dzulkifli Abdul Razak, En. Rajendran dan semua pejuang-pejuang Persatuan yang telah membantu saya sedaya upaya dalam semua segi.

Puan Chin Mei Yoke dan Cik Lilian dari pejabat Persatuan yang sentiasa cuba memudahkan usaha mencari bahan dan juga layanan baik dari mereka.

Semua pensyarah dan rakan-rakan yang telah memberikan sokongan dan galakkan.

Keluarga Chong yang sentiasa ingin membantu.

Liam Chwee kerana sumbangan beliau yang tidak ternilai.

## ABSTRAK

Ubat-ubatan telah menjadi sebahagian besar hidup manusia moden. Maklumat ubat-ubatan kepada penggunanya adalah penting bagi menjamin keberkesanan dan keselamatan penggunaannya. Oleh kerana masyarakat Malaysia tidak mencari maklumat ubat-ubatan yang diguna oleh mereka, Persatuan Farmasi Malaysia rasa bertanggungjawab untuk menentukan yang masyarakat mendapat maklumat yang sepatutnya.

Usaha ini dijalankan melalui aktiviti penyebaran maklumat ubat-ubatan dalam dua cara. Pertamanya, melalui ahli farmasi masyarakat dan ahli farmasi hospital yang akan bersemuka dengan pengguna ubat, iaitu melalui aktiviti mendispens dan amalan sistem farmasi klinikal.Malangnya, kedua-duanya masih belum dapat diamalkan secara giat dalam sistem kesihatan Malaysia. Oleh itu, disamping usaha Persatuan untuk mendapatkan perlaksanaan sistem kesihatan moden ini melalui perundangan, Persatuan menyediakan ahli-ahlinya dari sudut pengetahuan dan kemahiran untuk penerimaan sistem baru nanti.

Kedua, Persatuan mendidik masyarakat secara lansung melalui saluran yang mampu dilaksanakan oleh sumber-sumber Persatuan yang terhad. Antara saluran yang biasa digunakan ialah risalah, penerbitan Persatuan dan radio. Persatuan sedang berusaha untuk memperluaskan penggunaan media di masa hadapan untuk mencapai lebih pengguna.